

a. Gariskan kata ganti nama diri yang sesuai.

1. (Mereka , Dia) bertiga akan menyertai lawatan ke Pusat Sains Negara.
2. "(Saya , Kami) akan menjaga diri ketika berada di sana, ibu," kata Shanti.
3. "Adakah (kamu , kami) pergi ke pameran itu?" tanya Kok Wei kepada Azhar.
4. Guru besar sedang berucap. (Dia , Beliau) berpesan kepada peserta lawatan supaya diam ketika berada di dalam bas.
5. Sara ingin menyertai lawatan ke pameran buku. (Kita , Dia) perlu mendapat kebenaran daripada ibu dan ayahnya.
6. "(Mereka , Kami) berjanji akan mendengar nasihat ibu," kata Ratna dan adiknya.
7. Saya dan kakak ke taman permainan kerana (kamu , kami) ingin berjoging.
8. Puan Lim bangun awal. (Beliau , Dia) menyediakan sarapan untuk Mei Ling.
9. Ananthi dan adiknya berasa gembira kerana (kita , mereka) hendak pulang ke kampung.
10. "Suresh, boleh (kamu , kita) simpan barang ini di dalam peti sejuk," kata ibu.